

Bab V

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan daripada keseluruhan perbincangan yang dikemukakan, penulis membuat beberapa kesimpulan seperti berikut:

- 5.1 Golongan remaja merupakan golongan yang penting dalam masyarakat kerana mereka adalah pewaris kepimpinan masyarakat dan negara. Oleh itu, pendidikan sahsiah atau keperibadian remaja yang beracuankan pendidikan Islam adalah sangat penting bagi mereka agar dapat dilahirkan generasi pewaris yang beriman, memahami Islam dengan kefahaman Islam yang sebenar dan berakhlak terpuji.
- 5.2 Ibu bapa perlu prihatin terhadap pendidikan anak-anak remaja mereka iaitu memastikan agar mereka membesar dengan mendapat pendidikan Islam yang mencukupi kerana pendidikan Islam sahalalah yang mampu menjadi benteng bagi mereka menghadapi ancaman gejala sosial.

- 5.3 Intitisi pendidikan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik sahsiah pelajar. Tugas ini perlu dianggap sebagai satu amanah; amanah Allah s.w.t dan amanah ibu bapa.
- 5.4 Selain daripada ibu bapa dan sekolah, semua pihak dalam masyarakat seperti pemimpin, masjid, Jabatan Agama Islam, Jabatan Pendidikan, media elektronik dan media cetak harus merasai bahawa mereka sama-sama bertanggungjawab terhadap pendidikan remaja memandangkan golongan remaja adalah golongan pelapis yang akan mewarisi tampuk pimpinan masa hadapan. Kecuaian di pihak masyarakat dalam mendidik para remaja akan memberikan kesan buruk kepada generasi akan datang.
- 5.5 Persediaan dan perancangan yang rapi adalah perlu sebelum penubuhan sesebuah institusi pendidikan dan sebelum pelaksanaan pendidikannya. Tenaga pendidik yang faham akan falsafah, konsep, *manhāj* pendidikan dan matlamat penubuhannya perlu dididik terlebih dahulu agar hasrat pendidikannya dapat direalisasikan. Di samping itu sumbang saran idea yang bernas dan dana yang mencukupi juga adalah antara perkara yang perlu disediakan terlebih dahulu agar institusi pendidikan yang ditubuhkan itu dapat berfungsi dengan baik ke arah mencapai matlamat pendidikannya.

- 5.6 MATRI telah menyediakan *hî'ah sâli'ah* atau enviromen yang baik kepada para pelajarnya agar ia dapat menjadi pemangkin yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar.
- 5.7 Pendidikan yang dilaksanakan di MATRI bersifat pelbagai, *syumul* dan berterusan. Dengan itu berbagai potensi pelajar dapat dibangunkan.
- 5.8 Pendidikan di MATRI merangkumi pendidikan umum kepada semua pelajar iaitu menanamkan iman yang mendalam, menyebarkan kefahaman Islam yang sebenar dan membentuk akhlak yang terpuji. Di samping itu, ia juga merangkumi pendidikan kepimpinan kepada pelajar-pelajar yang berpotensi bagi membangunkan potensi kepimpinan pelajar agar dapat melahirkan generasi pemimpin masyarakat dan negara yang beriman dan berakhlak terpuji. Walaubagaimanapun aspek pendidikan kepimpinan ini memerlukan komitmen yang lebih serius daripada pihak pengurusan MATRI.
- 5.9 Pelaksanaan pendidikan di MATRI menekankan perkara asas, bukannya perkara cabang. Ia menekankan penyemaian iman yang mendalam yang menjadi sumber utama untuk melahirkan amalan yang baik. Amal yang lahir daripada cetusan iman adalah amal yang ikhlas. Selain itu, kefahaman yang sahih terhadap ajaran Islam juga diberi penekanan kerana kefahaman Islam yang betul akan menjadi panduan kepada remaja untuk menentukan tindakan yang betul, selari dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. MATRI telah

memanfaat kekuatan dan peluang yang ada untuk kepentingan pendidikan pelajarinya. Walaubagaimanapun, kajian teliti dari masa ke semasa masih perlu dibuat terhadap kekuatan dan peluang yang ada agar ia dimanfaatkan sepenuhnya.

5.10 Sebagai manusia biasa, MATRI juga tidak terlepas daripada kelemahan, namun kelemahan tersebut tidaklah mencacatkan imej MATRI sebagai institusi pendidikan Islam swasta yang terkenal di negeri Perlis. Kelemahan-kelemahan tersebut sedang dan akan diperbaiki demi kepentingan pendidikan para pelajarinya dalam rangka memenuhi harapan dan amanah para ibu bapa.

5.11 Ancaman terhadap pendidikan seperti ancaman gejala sosial perlu diawasi agar tidak mempengaruhi kehidupan. MATRI telah mengambil langkah yang perlu untuk mengurangkan kesan negatif daripada kemaraan gejala sosial seperti mengasingkan kelas antara pelajar putera dan pelajar puteri dan melarang pelajar putera dan puteri yang bukan muhrim daripada berhubung antara satu sama lain.

5.2 Saranan

5.2.1 Saranan kepada MATRI

- (i) Mengadakan jadual pengawasan terhadap program-program pendidikan yang dijalankan di surau MATRI dengan melibatkan guru-guru MATRI. Jika tenaga guru tidak mencukupi, ibu bapa yang sanggup memberikan sumbangan tenaga secara sukarela hendaklah dimanfaatkan.
- (ii) Mengambil tindakan segera seperti nasihat, amaran dan hukuman terhadap pelajar yang cuai daripada mengikuti sebarang program pendidikan. Tindakan yang diambil hendaklah diumumkan kepada para pelajar lain sebagai pengajaran.
- (iii) Menyediakan satu garis panduan yang jelas tentang tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap pelajar yang cuai mengikuti program-program pendidikan.
- (iv) Mengadakan program-program kepimpinan secara terancang dan bersistematik. Ahli Badan Pengawas Sekolah, AJK Surau dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) perlu diberi bimbingan secara khusus tentang teknik-teknik kepimpinan, pengurusan persatuan, komunikasi dan pengucapan awam agar mampu berperanan sebagai pembantu kepada guru-guru dalam pelaksanaan program-program pendidikan.
- (v) Jawatankuasa Dakwah dan Tarbiah, Jawatankuasa Program Pelajar dan Jawatankuasa Tilawah al-Quran dan Hafazan perlu bergerak lebih aktif

bagi mengimbangi keaktifan Unit Kurikulum. Mesyuarat perlu diadakan selalu dengan melibatkan Ahli Jawatankuasa PIBG agar pandangan ahli-ahli PIBG dapat disampaikan dengan cepat.

- (vi) Memberikan ganjaran atau hadiah kepada pelajar-pelajar yang memiliki sahsiah yang terpuji seperti berakhlak mulia, banyak menghafaz al-Quran, pandai membaca al-Quran dan Hari Kecemerlangan Tarbiah perlulah diadakan.
- (vii) Kesanggupan ibu bapa untuk menyumbangkan tenaga dan kepakaran haruslah dimanfaatkan sepenuhnya untuk kepentingan pendidikan pelajar selagi mana ia tidak menjejaskan perjalanan pengurusan dan pendidikan MATRI.
- (viii) Kekerapan pelajar keluar ke pekan Kangar perlu dikurangkan untuk mengurangkan kesan budaya negatif. Ini boleh dilaksanakan dengan melengkapkan barang-barang di koperasi MATRI dan menambahkan perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh koperasi tersebut.

5.2.2 Saranan untuk Memperkemaskan Pendidikan Remaja

- (i) Program Rakan Masjid perlu hidupkan semula dan dilaksanakan secara berterusan kerana masjid mempunyai enviromen yang sangat sesuai bagi pembentukan sahsiah remaja.
- (ii) Jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri, Masjid-masjid dan Unit Pendidikan Islam

di Jabatan Pendidikan Negeri perlu bergerak cergas menjalankan aktiviti yang terancang dan berterusan bagi mendidik para remaja agar potensi yang ada pada mereka tidak disia-siakan.

- (iii) Program *parenting* secara Islam perlu diadakan secara serius dan berterusan agar ibu bapa mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menjalankan tanggungjawab mereka terhadap pendidikan anak-anak mereka.

5.3 Penutup

Sebagai penutup bagi kajian ini, penulis mengambil kesempatan untuk menyeru kepada semua kaum muslimin dan muslimat agar melihat remaja dengan pandangan yang penuh harapan; agar pada suatu hari nanti mereka akan menjadi dewasa sebagai seorang muslim yang bertanggung jawab terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara, lebih-lebih lagi terhadap agamanya. Harapan ini hanya akan tercapai melalui pendidikan atau tarbiah yang bersungguh-sungguh bagi menggilap segenap potensi yang ada dalam diri mereka untuk dibawa ber *'ubudiyyah* kepada Allah s.w.t.